



## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN ADLY ZAHARI  
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

**MAJLIS PELUNCURAN  
PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI  
USAHAWAN VETERAN ATM**

**25 NOVEMBER 2024 | ROYALE CHULAN, KL**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima kasih saudari pengacara majlis.

- **Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM (Bersara)**  
Pengerusi, Lembaga Tabung Angkatan Tentera
- **Yang Berusaha Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi**  
Ketua Eksekutif, Lembaga Tabung Angkatan Tentera
- **Yang Berbahagia Mej. Jen. Dato' Hj Semaon Hj Marjuki**  
Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Veteran
- **Yang Berbahagia Jen. Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin (Bersara)**  
Pengerusi, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)
- **Yang Berusaha Lt. Kol. Azwadi Jamian (Bersara)**  
Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Veteran ATM
- **Encik Raymond Gabriel**  
Pengarah, People Systems Consultancy (PSC)
- Pengurusan Tertinggi Lembaga Tabung Angkatan Tentera
- Yang Dihormati para veteran ATM
- Tuan -Tuan Dan Puan-Puan sekalian

1. Alhamdulillah, izinkan saya memanjangkan kesyukuran dan merakamkan penghargaan kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) atas kesudian menjemput saya untuk bersama-sama dalam majlis yang cukup bermakna ini.
2. Program Pemerksaan Ekonomi Veteran ATM atau singkatannya PUVET ATM telah diluncurkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 31 Julai 2023. Peluncuran program ini beserta suntikan dana awal berjumlah RM1 juta mencerminkan komitmen dan sokongan padu Kerajaan MADANI terhadap inisiatif kebajikan dan kesejahteraan sosioekonomi Veteran ATM.
3. Hasilnya, sejak program ini diluncurkan, Kementerian Pertahanan melalui Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) telah menganjurkan sebanyak **10 siri PUVET di seluruh Semenanjung Malaysia**. Inisiatif ini adalah **kolaborasi rentas kementerian** di antara Kementerian Pertahanan bersama Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Sehingga November 2024, kita telah berjaya menyampaikan geran Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah kepada **216 orang usahawan** ATM dengan **nilai terkumpul RM1.08 juta** di bawah inisiatif.
4. Hari ini, kejayaan program PUVET ATM terbukti apabila pihak LTAT turut bersama-sama menyokong agenda MADANI ini. Walaupun program ini bakal **dijenama sebagai PPE**, kesinambungan ikhtiar ini wajar dihargai kerana ianya mencerminkan usaha kolektif semua agensi dibawah Kementerian Pertahanan untuk memperkasa ekonomi warga veteran ATM yang telah banyak berkorban demi tanah air. Saya melihat bahawa program seumpama ini merupakan satu langkah strategik yang sejarar dengan aspirasi Ekonomi MADANI yang menitikberatkan kesejahteraan holistik seluruh rakyat Malaysia.

Hadirin yang saya hormati,

5. Setiap veteran Angkatan Tentera Malaysia telah mengabdikan diri mereka dengan penuh dedikasi untuk mempertahankan kedaulatan negara. Mereka telah melalui cabaran yang luar biasa demi memastikan keamanan dan kestabilan tanah air terus terpelihara. Justeru, adalah menjadi satu tanggungjawab kita bersama untuk memastikan kesejahteraan mereka dan keluarga sentiasa diutamakan, walaupun selepas mereka menamatkan perkhidmatan.
6. Di Kementerian Pertahanan, sokongan kepada warga tentera tidak terhenti selepas mereka menamatkan perkhidmatan. Kementerian telah mewujudkan sebuah ekosistem menyeluruh bertujuan untuk memastikan kelangsungan dan kelestarian dalam setiap fasa kehidupan anggota ATM.
7. Sebagai contoh, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM memainkan peranan yang penting dalam memastikan kebijakan dan kesejahteraan veteran ATM sentiasa terpelihara. Peranan ini dilaksanakan melalui pengukuhan dasar pengurusan kebijakan, pendidikan, sosioekonomi, persaraan, pengiktirafan, serta pengendalian data dan maklumat yang strategik.
8. Selain itu, PERHEBAT, sebagai agensi yang bernaung di bawah LTAT, turut memainkan peranan signifikan dalam menyediakan latihan teknikal, vokasional, dan keusahawanan. Usaha ini bertujuan untuk membantu veteran ATM bersedia dalam menghadapi transisi ke dunia awam dan berdaya saing dalam pelbagai bidang ekonomi.
9. Program PPE yang bakal dianjurkan oleh LTAT ini diharap dapat memperluas dan mempertingkatkan skim bantuan perniagaan kepada usahawan veteran ATM dengan kerjasama rakan strategik di kalangan GLC, GLIC dan pihak swasta. LTAT serta pemain industri perlu dilihat bersama-sama berganding bahu bersama Kerajaan untuk melipatgandakan usaha untuk memperkuuh sistem sokongan kepada veteran.

10. Program ini bukan sahaja memberi peluang kepada para veteran untuk meningkatkan taraf hidup mereka, malah turut membuka ruang untuk mereka menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara, terutamanya melalui sektor keusahawanan.
11. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyeru usahawan veteran ATM agar lebih cakna dan progresif dalam merebut segala insentif yang disediakan Kerajaan menerusi **Belanjawan 2025** antaranya;
  - i. Ikhtiar **Sejati MADANI** dengan peruntukan **1 bilion** bagi **membugar ekonomi desa**, melibatkan kerjasama agensi dan jabatan kerajaan, universiti dan institusi TVET;
  - ii. Kemudahan pembiayaan perniagaan termasuk penjaja kecil bernilai **RM40 bilion** di bawah agensi Kerajaan seperti TEKUN dan Bank Negara Malaysia;
  - iii. **Geran Padanan Digital PMKS** dan **Geran Digital Penjaja** di bawah BSN berjumlah **RM50 juta** sebagai galakan peralihan model perniagaan secara automasi dan pendigitalan;
  - iv. **RM20 juta geran padanan iTEKAD** untuk usahawan mikro berpendapatan rendah. PERHEBAT telah bekerjasama dengan Affin Islamic Bank, Bank Muamalat Malaysia dan Bank Simpanan Nasional dengan menyediakan dana zakat dan pembiayaan mikro i-TEKAD khusus untuk veteran; dan
  - v. Peruntukan **RM10 juta** untuk **Program Ekonomi MADANI dalam Kem Tentera** bagi memberi peluang keusahawanan dalam kalangan isteri tentera di kem-kem seluruh Malaysia.

Hadirin sekalian,

12. Sekali lagi, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada LTAT atas kejayaan menganjurkan program ini. Kejayaan ini menggambarkan keprihatinan berterusan LTAT terhadap kebijakan komuniti veteran ATM, meskipun mereka tidak lagi mencarum dalam LTAT. Inisiatif ini menggambarkan pemahaman mendalam LTAT terhadap keperluan komuniti veteran dan komitmennya untuk menyokong usahawan veteran dalam mencapai potensi maksimum serta memperkuuh kedudukan ekonomi mereka.
13. Kebelakangan ini, LTAT kerap menjadi perhatian media dengan pelbagai naratif termasuk yang bersifat negatif. Namun demikian, saya melihat LTAT tetap konsisten dan teguh dalam melaksanakan mandatnya, bahkan melangkaui tanggungjawab yang diamanahkan. Inisiatif yang dilancarkan hari ini menjadi bukti dan lambang keteguhan serta komitmen LTAT kepada komuniti veteran, walaupun berhadapan dengan pelbagai persepsi yang mungkin timbul di kalangan masyarakat.
14. Kepada usahawan veteran ATM yang menyertai program ini, saya ingin mengucapkan tahniah atas komitmen tuan/puan untuk mengambil langkah ini. Dunia keusahawanan penuh dengan cabaran, tetapi saya percaya semangat juang, daya tahan, dan disiplin yang telah tertanam dalam diri anda semasa perkhidmatan adalah aset penting yang akan membantu anda mencapai kejayaan.
15. Saya ingin menyokong sepenuhnya pandangan yang disampaikan oleh YBrs. En. Mohammad Ashraf Md Radzi, Ketua Eksekutif LTAT, mengenai realiti dunia perniagaan yang dinamik dalam ucapan beliau sebentar tadi.

16. Sememangnya benar bahawa dalam menghadapi persekitaran perniagaan yang penuh cabaran ini, setiap peluang perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh usahawan veteran. Program ini bukan sahaja menyediakan ilmu dan kemahiran, tetapi turut membuka akses kepada jaringan industri serta pelbagai peluang yang dapat berfungsi sebagai pemangkin untuk mencapai kejayaan yang mampan.
17. Justeru, saya menyeru kepada tuan/puan, gunakan peluang ini untuk membina perniagaan yang mampan dan yang mampu memberi impak positif kepada keluarga serta masyarakat.

Tuan -Tuan dan Puan-Puan sekalian,

18. Bagi pihak Kementerian Pertahanan, saya memberi jaminan bahawa Kerajaan, akan terus menyokong usaha seperti ini. Kami komited untuk memastikan warga veteran ATM diberikan perhatian dan bantuan sewajarnya sebagai tanda penghargaan terhadap pengorbanan tuan/puan.
19. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada LTAT dan semua pihak yang telah bekerja keras untuk menjayakan program ini. Saya percaya, dengan sokongan berterusan dan usaha yang tidak pernah kenal erti putus asa, program ini akan menjadi satu mercu tanda kejayaan kepada para veteran ATM.
20. Dengan penuh rasa penghormatan, saya dengan ini meluncurkan **Program Pemerkasaan Ekonomi Veteran ATM 2024/2024** anjuran LTAT. Semoga usaha ini membawa kejayaan besar kepada peserta dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.
21. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.